

04/03/1998

Arahan MT mampu pulih ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin Umno menyifatkan arahan melarang ketua bahagian yang menjadi ahli Majlis Tertinggi (MT) dicabar atau mencabar dalam pemilihan ketua bahagian, mampu mengurangkan ketegangan politik supaya usaha boleh ditumpukan kepada usaha memulihkan keadaan ekonomi.

Selain menganggap keputusan pucuk pimpinan parti itu sebagai langkah bijaksana dalam kegawatan ekonomi sekarang, mereka juga meminta semua ahli Umno supaya mengutamakan kepentingan negara, berbanding perebutan jawatan.

Di BATU PAHAT, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman meminta ahli parti menghormati arahan pucuk pimpinan bagi mengelak tindakan tegas dikenakan ke atas mereka.

"Keputusan adalah jelas. Ahli MT tidak boleh dicabar atau mencabar ketua bahagian dan saya berharap semua ahli mematuhi arahan ini," katanya mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melarang ketua bahagian yang menjadi ahli MT supaya tidak dicabar atau mencabar bagi jawatan ketua bahagian.

Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat MT malam semalam menjelaskan, arahan itu turut melarang ahli MT yang tidak menjadi ketua bahagian bertanding jawatan ketua bahagian.

Bagaimanapun, arahan itu hanya terhad kepada jawatan ketua bahagian.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata keputusan yang dibuat sebulat suara itu adalah langkah yang wajar bagi kepentingan parti di samping dalam keadaan negara yang masih belum pulih daripada kegawatan ekonomi.

"Setiap ahli perlu menerima arahan itu dengan hati terbuka kerana keputusan dibuat tindakan rasional untuk kebaikan bersama bagi memastikan segala masalah dapat ditangani dengan bijaksana," katanya.

Menurutnya, kepentingan negara perlu didahulukan daripada kepentingan politik kerana adalah sukar untuk memberikan komitmen terhadap kedua-duanya sekali dalam masa yang sama.

Ketika ditanya mengenai pemecatan sembilan ahli Umno yang diputuskan oleh MT, termasuk dua di Jempol, kelmarin, Mohd Isa berkata, keputusan itu perlu diterima untuk dijadikan pengajaran di masa depan.

Di PETALING JAYA, Ahli MT, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, ahli Umno harus memberi penghormatan kepada ahli MT kerana jawatan mereka dipilih oleh kira-kira 2.7 juta ahli Umno seluruh negara.

"Jika mereka sendiri ini dihina dan dicabar di tempat mereka maka bagaimana mereka dapat menjalankan tugas di tempat mereka nanti,

"Mereka perlu dijaga supaya tidak dihina dengan sewenang-wenangnya ketika menjalankan tugas ke seluruh negara dan sepatutnya diberi penghormatan diatas pelantikan itu," katanya.

Di TEMERLOH, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yakin semua ahli Umno di negeri ini akan mengambil iktibar daripada keputusan MT mengenai pemilihan pucuk pimpinan peringkat bahagian.

"Saya percaya pada akhirnya semua ahli Umno sama ada peringkat cawangan atau bahagian akan memahami keputusan itu.

"Pada peringkat permulaan, mungkin ada sedikit perbincangan tetapi lama kelamaan mereka akan memikirkan kebijaksanaan MT membuat keputusan itu," katanya.

Mohd Khalil berkata, seseorang ahli yang mempunyai sifat sebagai pemimpin sama ada pada peringkat cawangan atau bahagian perlu mengerti dan

memahami kebijaksanaan keputusan itu dalam konteks ekonomi dan politik hari ini.

Di KOTA BHARU, Pemimpin Umno Kelantan berharap semua ahli supaya akur dan tidak mempersoalkan arahan terbaru yang lebih tegas itu bagi menjamin perpaduan parti, khususnya di Kelantan.

Menurut mereka, keputusan itu bukan bererti melegakan penyandang jawatan berkenaan, kerana ada di antara Ketua bahagian yang mahu dipertandingkan bagi menguji kekuatan serta kewibawaan mereka sebagai pemimpin.

Ketua Umno bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Noor, berkata langkah yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti itu demi menjaga kepentingan dan keutuhan parti.

"Sebagai ahli, kita harus taat kepada sebarang keputusan pucuk pimpinan parti. Jadi, soal sama ada keputusan itu melegakan ahli MT yang sedang menyandang jawatan Ketua bahagian tidak berbangkit sama sekali," katanya.

"Apa yang kita mahu capai ialah kemenangan dalam pilihan raya dan matlamat kita jelas untuk menawan semula Kelantan (daripada Pas)," katanya.

(END)